



Pejabat Kuantan (HQ) : F16/F17 Bazar Serambi Teruntum, 26060 Kuantan, Pahang.

Pejabat Kuala Lumpur 1 : B 12-5-1, Diamond Square, Jalan Semarak Api 2, Setapak, 53000 Kuala Lumpur

Pejabat Kuala Lumpur 2 : 5-3, Jalan Wangsa Delima 13 Pusat Bandar wangsa maju, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur

Pejabat Terengganu : No 1 Tingkat 6, Wisma Seri Amar, 26000 Kuala Terengganu.

www.Lafiytravel.com | www.lafiyumrah.com | 018-2674661 (Hotline)

PACKAGE UMRAH MUMTAZ 12D10N | From RM 10,900 Per pax

TOPIC	Details														
Min no of Pax	20 -40 Pax														
Berapa orang sebilik	4 Pax														
Pakej Termasuk	Flight ticket (pergi balik) Penginapan hotel 5 Bintang Mutawaif Tour Leader berpengalaman Cenderahati Kursus Pengangkutan Darat Insurans Visa Set Kelengkapan Air Zam Zam Bimbingan Umrah 4 kali Makan fullboard Ziarah Hudaibiyah atau Thoif dan lain lain .														
Pakej Tidak Termasuk	Perbelanjaan sendiri Kos klinikal														
Lokasi Cadangan yang akan Dilawati	Masjid Nabawi Masjidil Haram Jabal Tsur Raudhah Perkuburan Baqi' Masjid Quba' Jabal Uhud Masjid Qiblatain Kebun Kurma Masjid 7 Kawasan Khandaq Miqat Bir 'Ali Masjid Sayyidatina 'Aisyah Padang Arafah Muzdalifah Bukit Korban (Mina) Masjid Ji'ronah Jabal Nur Perkuburan Mu'alla Masjid Jin Masjid Syajarah Thoif Masjid Royah Masjid Dir' Masjid Mustaroh Thaniyah Wada' Utara Thoif etc.														
Antara Nama Hotel & Bintang	MEKAH HOTEL (Area Clock Tower) : Safwah Royale Orchid (50 m) Hotel Dorrar Aleiman (100m) Hotel 5 Bintang atau Hotel setaraf MADINAH HOTEL : Pullman ZamZam (100m) Taiba Madinah Hotel (100m) Hotel 5 Bintang atau Hotel setaraf														
Jenis Kenderaan	Van Minibus														
Flight	KUL – JED / JED – KUL (penerbangan terus / transit)														
USP (Unique selling product of Lafiy about this package) (HIGHLIGHT)	1. 4 kali menunaikan umrah. 2. Hotel jarak dekat iaitu bawah 150 meter dari masjid 3. Perjalanan/Penginapan Selesa dan Pengisian Penuh. 4. Free Haramain Speedtrain														
Percuma (HIGHLIGHT)	Cenderahati Kursus Umrah Luggage Lanyard Modul Umrah Buku Panduan Umrah Air Zam zam														
Tarikh Cadangan 2025	<table> <tr> <th colspan="2">BULAN & TARIKH</th></tr> <tr> <td>Jan:</td><td>July:</td></tr> <tr> <td>Feb:</td><td>Aug:</td></tr> <tr> <td>March:</td><td>Sept: + 15% (mid season)</td></tr> <tr> <td>April:</td><td>Oct: Biasa</td></tr> <tr> <td>May:</td><td>Nov: Biasa</td></tr> <tr> <td>June:</td><td>Dec: + 15% (mid season)</td></tr> </table>	BULAN & TARIKH		Jan:	July:	Feb:	Aug:	March:	Sept: + 15% (mid season)	April:	Oct: Biasa	May:	Nov: Biasa	June:	Dec: + 15% (mid season)
BULAN & TARIKH															
Jan:	July:														
Feb:	Aug:														
March:	Sept: + 15% (mid season)														
April:	Oct: Biasa														
May:	Nov: Biasa														
June:	Dec: + 15% (mid season)														
Harga (Low Season)	<table> <tr> <th>No of pax</th><th>Harga Bilik Ber-4</th></tr> <tr> <td>Low Season</td><td>RM 10,900 / Per pax</td></tr> <tr> <td>Mid Season +15%</td><td>RM 12,500 / Per pax</td></tr> <tr> <td>High Season +25%</td><td>RM 13,600 / per pax</td></tr> <tr> <td>Super Peak +50%</td><td>RM 16,300 / per pax</td></tr> </table>	No of pax	Harga Bilik Ber-4	Low Season	RM 10,900 / Per pax	Mid Season +15%	RM 12,500 / Per pax	High Season +25%	RM 13,600 / per pax	Super Peak +50%	RM 16,300 / per pax				
No of pax	Harga Bilik Ber-4														
Low Season	RM 10,900 / Per pax														
Mid Season +15%	RM 12,500 / Per pax														
High Season +25%	RM 13,600 / per pax														
Super Peak +50%	RM 16,300 / per pax														
Extra Charges	1. Melawat tempat lain tambahan yang tiada didalam itinerary. 2. Menyertai aktiviti di Thoif .														

Pejabat Kuantan (HQ) : F16/F17 Bazar Serambi Teruntum, 26060 Kuantan, Pahang.

Pejabat Kuala Lumpur 1 : B 12-5-1, Diamond Square, Jalan Semarak Api 2, Setapak, 53000 Kuala Lumpur

Pejabat Kuala Lumpur 2 : 5-3, Jalan Wangsa Delima 13 Pusat Bandar wangsa maju, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur

Pejabat Terengganu : No 1 Tingkat 6, Wisma Seri Amar, 26000 Kuala Terengganu.

www.Lafiytravel.com | www.lafiyumrah.com | 018-2674661 (Hotline)

ITINERARY

HARI KE – 1 Madinah (KLIA – JEDDAH – MADINAH)	Berkumpul di KLIA 5 jam Kita akan mendengar taklimat umrah yang diberikan oleh pihak pengurusan LAFIY sebelum memulakan penerbangan. Setelah sampai di Lapangan Terbang Jeddah, kita akan menaiki van/minibus ke kota Haram Madinah dan check-in hotel, seterusnya diberi peluang untuk fokus beribadah di Masjid Nabawi. Sambil menghayati ibadah, mutawwif LAFIY akan memberi sedikit taklimat tentang sejarah Kota Madinah dan mutawwif LAFIY akan membawa jemaah untuk memberi salam kepada Baginda S.A.W. Pembelian simkad jika berkehendak. Kita boleh solat sunat secara berjemaah atau bersendirian selepas selesai pengurusan untuk tujuan pembersihan hati. : transport usage 1 way to Madinah
HARI KE – 2 Madinah (MADINAH – PERKARANGAN MASJID NABAWI)	Kita akan melawat ke sekitar Masjid Nabawi iaitu Masjid mulia yang didalamnya terdapat jasad Baginda S.A.W yang dikebumikan. Selepas itu, kita akan melawat lokasi kewafatan Saidina Abu Bakar & Saidina Uthman, rumah Saidina Ayyub al-Ansari, rumah sayyidina Harithah Annu'man, tempat solat jenazah, maqam asal Saidina Abdullah bin Abdul Muttalib. Tengahari kita akan bersolat zohor berjemaah dan para jemaah diberi waktu untuk makan tengahari dan boleh berehat. Selesai bersolat asar secara berjemaah di Masjid Nabawi, kita akan menyambung ziarah sekitar Masjid Nabawi iaitu Telaga Budho'ah, Saqifah Bani Sa'idah, Masjid Ghamamah, Masjid Saidina Abu Bakar, Masjid Saidina Ali, Masjid Saidina Umar, Masjid Saidina Bilal dan solat Maghrib berjemaah dan rehat. Malam: Memasuki Raudhah (<i>mengikut jadual visa Umrah atau aplikasi Nusuk</i>)
HARI KE – 3 Madinah (LAWATAN KAWASAN UTARA MASJID NABAWI)	Kita akan bersolat Subuh berjemaah dan akan menziarahi Perkuburan Baqi', Sesudah itu para jemaah diberi masa untuk makan pagi dan berkumpul untuk menuju ke Thaniyah Wada' Utara (<i>tempat qasidah thola'al badru 'alaina didendangkan oleh seorang wanita berkulit hitam sepulangan Nabi dan tentera muslimin dari peperangan Tabuk</i>), Masjid Royah (dipercayai ada kisah batu yang besar semasa penggalian parit dilakukan), Masjid Dir' (lokasi Nabi Muhammad S.A.W menyangkut baju besi milik beliau), Masjid Mustaroh (lokasi istirehat Nabi Muhammad S.A.W sepulangan dari peperangan Uhud), Jabal Uhud (penceritaan penuh kejadian perang yang memberi pengajaran kepada umat islam sehingga ke hari ini. Kesyahidan ramai dari tentera muslimin antaranya Singa Allah, dendam tentera musyrikin Mekah terhadap tentera muslimin , menyaksikan kesukaran tentera muslimin menentang tentera musuh , pengunduran tentera muslimin dan kisah yang sarat berlaku di Jabal Uhud yang akan diceritakan oleh mutawwif LAFIY InsyaAllah) dan menuju ke Masjid Qiblatain (masjid yang menjadi saksi perubahan arah kiblat dari Masjidil Aqsa Palestin ke Masjidil Haram Mekah) dan bersolat zohor disana . Setelah kita selesai bersolat jemaah dan penceritaan di Masjid Qiblatain, para jemaah akan dibawa untuk makan tengahari dan menuju ke lokasi peperangan berikutnya iaitu lokasi Perang Khandaq, Masjid 7 (peperangan yang dicadangkan untuk tugas penggalian parit dilakukan yang diusulkan oleh Sayyidina Salman Al Farisi R.A, kisah peperangan yang menuntut kesabaran dan ketaqwaan umat muslimin sehingga datang pertolongan dari Allah). Seterusnya, para jemaah akan

	dibawa ke gua Bani Haram atau gua Sajdah sebelum kita semua pulang untuk berehat sebelum masuk waktu Maghrib. (<i>gua bani haram hanya jika masa ditepati oleh Jemaah</i>) Malam: Memasuki Raudhah (mengikuti jadual visa Umrah atau aplikasi Nusuk) : transport usage : 8 hours
HARI KE – 4 Madinah (LAWATAN KAWASAN SELATAN MASJID NABAWI)	Sebaik sahaja kita selesai bersolat zohor di Masjid Nabawi secara berjemaah dan makan tengahari, kita akan menuju ke Kawasan Quba' dan mendengar kisah penghijrahan Nabi Muhammad (dari mana arah perjalanan dari Muhammad S.A.W, perhentian Nabi Muhammad S.A.W di Bustan Mustazil sebelum memasuki perkampungan Quba , perhentian Nabi Muhammad S.A.W di Quba' selama 4 hari dan banyak lagi), Bustan Al Mustazil (kawasan rehat Nabi Muhammad sebelum sampai ke perkampungan Quba'), lokasi asal rumah Sayyidina Sa'ad , lokasi asal rumah Sayyidina Khaithamah , lokasi Ahjar Al Miro (batu yang menjadi saksi penurunan wahyu) , lokasi asal Telaga Aris sebelum ianya berubah kerana penggalian kali ke2 dilakukan (telaga yang mendengar perkhabaran ghaib dari Nabi Muhammad bersama para sahabat R.A). Selesai bersolat sunat dan berzikir di Quba', kita akan meneruskan perjalanan ke Masjid Jumuah (masjid pertama solat Jumaat didirikan) , rumah Sayyidatina Ummu Harom (rumah yang sering didiami Rasulullah untuk berehat semasa perjalanan Nabi Muhammad ke Quba') Kita semua akan menuju ke Kebun Kurma sebelum menuju pulang ke hotel untuk persiapan bersolat Jemaah di Masjid Nabawi : transport usage : 5 hours
HARI KE – 5 Madinah (BEBAS DAN PEMBELIAN CENDERAHATI)	Kita semua akan beraktiviti bebas di Tanah Haram Madinah . Jemaah boleh melakukan pembelian cenderahati atau beribadah sepanjang hari di Masjid Nabawi. Pada sebelah petang, jemaah boleh memilih untuk dibawa ziarah spesial ke Masjid Ijabah dan Masjid Sajdah yang dibawa oleh mutawwif LAFIY sekiranya pembangunan di kawasan tersebut sudah selesai (<i>kali terakhir kami mendapati kawasan masjid ibabah dan masjid sajdah masih lagi didalam pembaikpulihan</i>) Malam: Kita akan bersolat sunat hajat secara berjemaah sebagai doa pengharapan agar dapat kembali lagi berjumpa Nabi Muhammad S.A.W di dunia, tidak dihalau dari menjadi umatnya di Akhirat, dan juga memohon untuk kebaikan dan penerimaan ibadah umrah yang akan kita jalani pada hari esoknya. INSYA ALLAH .
HARI KE – 6 Madinah - Mekah (MADINAH – STESEN KERETAPI LAJU HARAMAIN – MEKAH)	Sebaik sahaja kita selesai solat subuh berjemaah, para jemaah boleh sekali lagi menziarahi baqi' dan memberi salam terakhir kepada Baginda S.A.W. Kita akan digalakkan untuk berdoa meminta untuk dapat hadir di Hari Akhirat menjadi salah satu ummat Baginda. Setelah usai jemaah di masjid, kita akan bersiap siap untuk menuju ke Mekah untuk menunaikan ibadah umrah yang ditunggu -tunggu oleh semua . Check out hotel dan terus menuju ke Stesen Keretapi Laju Haramain. Stesen Keretapi Laju Haramain :Jemaah diberi taklimat dan peringatan ringkas tentang ibadah umrah ketika didalam perjalanan, peringatan kembali tentang tatacara berhram, perkara sunat ketika berhram dan pantang larang ketika berhram . Setelah sampai, Jemaah diberi masa untuk persiapan berhram dan bersiap- siap untuk menuju Tanah yang diharamkan Nabi Ibrahim A.S iaitu Mekah , dan jemaah diminta untuk berniat dimiqat yang akan dibuat pengumuman didalam keretapi . Talbiah , berzikir dan mengulang kaji modul umrah yang diberikan

	adalah sangat digalakkan sepanjang perjalanan didalam keretapi laju menuju Mekah . Jangkaan masa kita akan tiba di Mekah 2 jam selepas bertolak ,kita akan check in hotel di Mekah dahulu dan tanpa berlengah-lengah ,kita akan terus berkumpul untuk perlaksanaan ibadah umrah pertama yang dibimbing oleh mutawwif berpengalaman LAFIY (tawaf , sai'e , cukur secara bertertib) dan akhirnya kita boleh kembali ke hotel untuk berehat.
HARI KE – 7 Mekah (PERKARANGAN MASJIDIL HARAM)	Setelah selesai solat subuh secara berjemaah , kita akan dibawa melawat kawasan perkarangan Masjidil Haram .Disinilah kita akan mengetahui lokasi asal tapak rumah Baginda S.A.W bersama Sayyidatina Khadijah R.A ,lokasi asal tempat kelahiran Baginda S.A.W, lokasi dimana keluarga Yasser dikebumikan . Setelah selesai bersolat zohor secara berjemaah ,kita akan makan tengahari dan aktiviti BEBAS / jemaah juga boleh memilih menuju ke Masjid Sayyidatina 'Aisyah (<i>miqat 2</i>) untuk perlaksanaan umrah ke 2. Malam: Aktiviti bebas / Jemaah juga boleh memilih untuk mendaki Jabal Nur (lokasi wahyu pertama) mengikut kepada bilangan Jemaah yang berkeinginan
HARI KE – 8 Mekah (KAWASAN PERLAKSANAAN HAJI)	Sesudah makan pagi , kita akan membuat lawatan ke Padang Arafah , bukit Rahmah , Muzdalifah , Bukit Korban (Mina) , Jamarat iaitu lokasi lokasi yang penting dan wajib bagi individu yang mengerjakan Ibadah Haji . Kita akan membawa jemaah untuk makan tengahari Nasi Unta dan menuju ke masjid Ja'ronah (miqat ke 3). Jemaah berpeluang untuk mengerjakan Umrah ke-3 Malam: Bebas / Jemaah boleh memilih mendaki Jabal Tsur (lokasi persembunyian Rasulullah S.A.W semasa peristiwa hijrah. Kisah yang berlaku disinilah ianya termaktub dan diceritakan didalam Al Quran) :transport usage : 6 hours
HARI KE – 9 Mekah (BEBAS)	Pada hari ini kita akan beraktiviti BEBAS. Jemaah boleh membuat pembelian cenderahati untuk keluarga tersayang di Tanah Air . Atau boleh fokus beribadah sempena hari terakhir di Tanah Haram Mekah. Sesudah solat Asar secara berjemaah di Masjidil Haram , Jemaah juga boleh memilih untuk berziarah ke Tanah Perkuburan Mukminin Ma'ala (lokasi dikebumikan Sayyidatina Khadijah R.A dan ahli keluarga Baginda yang lain), Masjid Jin (lokasi dakwah Nabi Muhammad S.A.W kepada golongan Jin) , Masjid Syajarah dan mendengar kisah kisah di sana . Malam: Aktiviti kembali BEBAS. Jemaah boleh membuat pembelian cenderahati atau fokus beribadah di Tanah Haram Mekah Masjidil Haram , memohon agar dapat kembali lagi ke Tanah yang diharamkan Nabi Ibrahim A.S .
HARI KE – 10 Mekah (ZIARAH THOIF)	Sesudah kita bersolat subuh secara berjemaah , jemaah diminta untuk berkumpul untuk kita bersedia menziarahi Thoif . Menziarahi Masjid Sayyidina Abdullah Bin 'Abbas (seorang alim & faqih & ahli fatwa dikalangan para sahabat , sahabat yang didoakan Baginda S.A.W untuk kafahaman dalam agama dan mahir pentakwilan) . Sesampainya kita di Thoif, kita akan mendengar kisah yang dialami Baginda pada tahun yang dikenali dengan Tahun Kesedihan , kewafatan isteri Baginda S.A.W , kewafatan ayah saudara Baginda S.A.W , dan kisah penolakan dakwah Nabi Muhammad yang dikecam teruk oleh penduduk Thoif sehingga berkocak kasut Baginda S.A.W dengan darah . Sayyidina Jibril A.S meminta untuk

	menhancurkan Thoif tetapi dihalang oleh Baginda bahkan Baginda mendoakan kesejahteraan kepada Thoif . Seterusnya kita akan melakukan pelbagai aktiviti santai dan rehat seperti menaiki kereta kabel sambil kita dapat melihat kawasan Thoif serta mengambil pengajaran kesukaran Baginda S.A.W pergi berdakwah menyampaikan islam dengan kawasan yang berbukit bukau ,bergunung ganang , ujian demi ujian keatas Baginda S.A.W daripada Allah SWT kepada kekasihNya . Sepulangan dari Thoif, kita akan ke Qarnu Manazil (masjid miqat) dan kita boleh berniat ihram dan melakukan Umrah ke-4 apabila pulang bagi jemaah yang berkeinginan. <i>(duit bayaran tambahan akan dikenakan kepada Jemaah yang ingin melakukan aktiviti aktiviti di Thoif kerana setiap aktiviti memerlukan tiket)</i> : transport usage : 8 hours
HARI KE – 11 Mekah (BEBAS)	Jemaah boleh beraktiviti Bebas untuk pembelian cenderahati atau boleh mengerjakan ibadah sepanjang hari di Masjidil Haram .Jemaah diberi pilihan untuk Ziarah spesial ke Bukit Khandama (lokasi menarik untuk bergambar sebagai kenang kenangan) Malam : solat hajat secara berjemaah bersama mutawwif LAFIY memohon agar dikurniakan rezeki dapat lagi ke Tanah Haram pada masa akan datang ,kebaikan demi kebaikan diharapkan untuk umrah kali ini dll .
HARI KE – 12 Mekah-Jeddah – KLIA	Setelah selesai kita bersolat subuh secara berjemaah , Jemaah diminta untuk bersiap siap untuk persiapan pulang . Beg mesti dikumpulkan di lobi hotel atau di dalam van / minibus, dan jemaah diberi waktu untuk melakukan tawaf wida' sebagai tanda selamat tinggal kerana sudah mahu meninggalkan tanah suci Mekah . <i>(masa diberikan kepada Jemaah untuk melaksanakan tawaf wida')</i> . Selesai pengiraan jumlah Jemaah telah mencukupi , van/ minibus terus berangkat menuju Lapangan Terbang Jeddah . Di Lapangan Terbang , kita akan mendengar ucapan akhir dari pihak pengurusan umrah LAFIY dan sesi bergambar beramai2 akan dilakukan sebagai tanda kenang-kenangan dan berangkat pulang . Sesampainya kita di KLIA , kita semua boleh bersurai dan disambut kepulangan dengan rindu oleh ahli keluarga masing masing . Ahli keluarga rindu, kita juga rindu . Tapi ,rindu akan Kota Mekah dan Kota Madinah bersama LAFIY TRAVEL SDN BHD. : transport usage : 1 way only to Jeddah (Mekah – Jeddah)